

"Saya ini adalah seorang budak pejabat"

"CLOCK-in only first step — tea-break next to go?", kata kepala muka hadapan di New Straits Times Ogos 22, 1981, sementara Berita Harian Ogos 21 memberi subjek yang sama kepada yang berbunyi: "Kantin mungkin diarah tutup."

Berita berikutan kepala di Berita Harian berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak suka kantin diwujudkan dalam bangunan-bangunan pejabat Kerajaan kerana ia mungkin disalahgunakan sebagai tempat membocorkan rahsia Kerajaan.

Sebaliknya, Ketua-ketua Jabatan disyor melantik atau menyediakan pembantu pejabat sendiri menguruskan hidangan untuk pegawai dan kakitangan di waktu-waktu rihat jam 10.00 pagi dan 3.00 petang.

Langkah itu berikutan sebilangan kecil pegawai dan kakitangan kerajaan didapati menggunakan kantin untuk berbual atau memberitahu orang-orang tertentu (secara sengaja atau tidak sengaja) mengenai rancangan dan maklumat Kerajaan yang dianggap rahsia.

* * *

Komen Penulis:

Dari perkataan "kantin" tadi, maka teringatlah penulis kepada

sebuah cerita yang disampaikan kepada penulis tahun lalu oleh seorang sahabat merangkap pembaca halaman ini (sahabat yang penulis namakan hanya sebagai Mr. X). Begini bunyi ceritanya.

Pada satu hari, Mr. X cuba menghubungi melalui telefon salah sebuah jabatan di Ibukota dengan tujuan mendapatkan nasihat mengenai satu masalah yang dihadapinya yang ada kaitan dengan jabatan berkenaan.

Bila Mr. X berkata dia mahu bercakap dengan ketua jabatan, dia diberitahu oleh suara di sebelah sana bahawa ketua jabatan sedang berada di luar negeri. Bila dia minta bercakap dengan timbalan ketua, dia diberitahu bahawa timbalan ketua sedang menjalankan tugas di luar Ibukota.

Bila Mr. X minta Ketua No.3, dia diberitahu Ketua No.3 sedang memengerusikan mesyuarat pejabat. Bila dia minta disambungkan kepada ketua No. 4, dia diberitahu Ketua No.4 sedang dalam cuti sakit. Bila dia bertanya kalau dia boleh disambungkan kepada Ketua No.5, suara memberitahu bahawa jawatan itu belum lagi diisi, semajak pemegangnya ditukarkan tahun lalu.

Dan bila Mr. X minta disambungkan kepada EO, suara berkata EO baru sahaja pergi ke kantin untuk minum kopi. "Kalau begitu sambungkanlah saya kepada CC," kata Mr. X. Suara menjawab, "CC jua telah pergi ke kantin bersama-sama dengan EO."

Dalam keadaan desperasi Mr. X bertanya, "Awak ini siapa?" Suara disebelah sana berkata, "Saya ini adalah seorang budak pejabat."

Kesimpulan: Jikalau apa yang dikisahkan oleh Mr. X itu benar, maka perhutapan kantin

di jabatan Kerajaan nanti akan membolehkan pengundi merangkap pembayar cukai menghubungi EO ataupun CC bila-bila masa di waktu pejabat...

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia